

Negara terbaik penyelidikan

Malaysia di kedudukan kedua terbaik dunia dalam penyelidikan berdasarkan hasil kajian Clarivate Analytics

NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU - Malaysia muncul sebagai negara terbaik dalam penyelidikan melibatkan bidang kejuruteraan, alam sekitar, tenaga dan kewangan Islam.

Pencapaian itu berdasarkan hasil kajian dilakukan Clarivate Analytics di mana Malaysia berada di kedudukan kedua dunia dengan perkembangan penyelidikan 7.2 peratus berbanding purata dunia 1.1 peratus sejak 2012 hingga 2016.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, hasil kajian itu menunjukkan penyelidikan negara amat produktif dan diiktiraf badan penyelidikan dunia.

"Malaysia kini memiliki universiti penyelidik terbaik malah hari ini kita lihat ramai penyelidik dari negara kita bergabung bersama syarikat-syarikat bagi menghasilkan dan mengkomersialkan ciptaan yang berinovasi.

"Selama ini Malaysia dikenali sebagai hab pendidikan, tetapi kini kita bukan sahaja jadi hab, kita juga boleh jadi pusat pembelajaran. Kita juga boleh membangunkan tamadun dengan kepakaran yang ada yang hanya ada di negara ini tidak di negara lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA 2017) di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negeri, Gong Badak, semalam.

Turut hadir, Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Datuk Dr. Nor Aieni Mokhtar dan Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Prof. Datuk Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif.

PECIPTA 2017 dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bersama UMT dan UniSZA.



Idris (dua, kiri) diberi penerangan oleh pensyarah Kanan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr. Jidon Adrian Janaun (kanan) mengenai replika mesin 'Lamb Paddy Dryer' semasa program Persidangan dan Expo Ciptaan IPT Antarabangsa (PECIPTA 2017) di Stadium Tertutup Gong Badak, semalam.

Ia disertai seramai 461 peserta terdiri 20 (IPTA), 17 (IPTS), tujuh (Politeknik), dua Kolej Komuniti dan

tujuh wakil dari universiti antarabangsa termasuk China, Indonesia, Thailand, United Kingdom (UK),

Belgium dan Taiwan.

Menurut Idris, PECIPTA 2017 adalah platform terbaik yang mampu membuka minda pelajar khususnya bagi meminati bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

"Pelajar boleh lihat semua penyelidikan baharu yang mana boleh beri kebaikan kepada STEM sekali gus menarik minat mereka untuk mendalami bidang itu," katanya.

Seramai 460 penyelidik dan 441 syarikat terlibat dalam pameran itu bagi merebut juara dalam hasil ciptaan berinovasi, pertandingan bermula semalam sehingga 9 Oktober depan.

Selain pameran produk, pelbagai aktiviti turut diadakan di perkarangan stadium antaranya Bicara Ikon, pertandingan robotik, Festival Sains anjuran Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT), dan perpustakaan negeri dan jualan kenderaan saji.

SINAR HARIAN
8/10/2017